

Perkasa ekonomi luar bandar dengan keusahawanan

Oleh [Mahaizura Abd Malik](#) - Mac 3, 2022
mahaizura@hmetro.com.my



Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, pada pelancaran Program Mini Karnival Usahawan Desa (KUD@Pontian) di Stadium Mini Pontian _ Foto NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

PONTIAN: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) mahu menjadikan kawasan luar bandar berfungsi sebagai pusat pertumbuhan ekonomi mampan menjelang tahun 2030.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, usaha ini dalam memastikan keusahawanan menjadi aktiviti utama masyarakat luar bandar sekaligus dapat menikmati kehidupan lengkap dan selesa seperti penduduk bandar.

Katanya, pemerkasaan aktiviti keusahawanan di luar bandar juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk merapatkan jurang pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar.

"Sehingga kini lebih 64,000 usahawan di bawah kementerian ini menjalankan pelbagai jenis perniagaan daripada perusahaan kecil-kecilan dan skala besar bagi menyara keluarga masing-masing.

"Ada juga dalam kalangan usahawan KPLB yang sudah pun menembusi pasaran antarabangsa.

"Ini satu kebanggaan bagi pihak Kementerian dalam melahirkan lebih ramai lagi usahawan 'Rural to Global'," katanya katanya pada Majlis Perasmian Program Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) @ Pontian di Stadium Mini Pontian, di sini, hari ini.

Beliau berkata, usaha memperkasakan usahawan luar bandar dengan penggunaan teknologi dan inovasi juga penting dalam memastikan golongan itu mampu berdaya saing dan berdepan sebarang cabaran seperti kekangan pandemik COVID-19.

"Kita menyedari pembudayaan norma baharu dalam komuniti bagi mencegah penularan COVID-19 menjadi 'push factor' kepada penggunaan teknologi dalam banyak perkara termasuk dalam bidang keusahawanan.

"Justeru, usahawan luar bandar mesti diperlengkap dan diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran baharu mengenai penggunaan teknologi maklumat dan inovasi aplikasi siber bagi menghadapi persaingan yang kompetitif.

Pada majlis sama, Mahdzir turut menyampaikan Muqassah kepada peminjam Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dari Pontian serta Bantuan Wang Tunai Yayasan Pelajaran Mara bernilai RM100 kepada 100 pelajar kurang berkemampuan di sekitar Pontian dan Tanjung Piai.